



SEPAKAT...Pegawai Kanan Pos Malaysia bersama baner promosi bahagian pengurusan UiTM Dungun.

## Pos Malaysia sedia khidmat bagasi pelajar

Metro 05/05/08 pg.29

**P**OS Malaysia Berhad (Pos Malaysia) cawangan Terengganu memperkenalkan perkhidmatan menghantar bagasi kepada pelajar di pusat pengajian tinggi di negeri ini sempena musim cuti semester mulai semalam. Menerusi projek itu, Pos Malaysia menjalin kerjasama dengan dua pusat pengajian tinggi tempatan iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan UiTM cawangan Dungun.

Pengurus Negeri, Pos Malaysia Cawangan Terengganu, Quek Lim Tiong, berkata pihaknya sudah menjalin kerjasama dengan institut pengajian tinggi dan

bersetuju mendapatkan perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh Pos Malaysia.

Katanya, pelajar UTM dan UiTM dapat menghantar bagasi termasuk motosikal dan bungkusan ke rumah masing-masing mulai cuti semester ini.

Menurutnya, bagi melicinkan urusan kiriman bagasi, pihaknya menghantar petugas khas menerima tempahan hantaran barangan di kedua-dua universiti itu.

Katanya, pelajar tidak perlu membawa motosikal atau bungkusan di pejabat pos sebaliknya mereka menunggu di kaunter khas universiti berkenaan.